

06/11/2003

UTM anugerah ijazah kehormat kepada Dr M

KUALA LUMPUR: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan menganugerahkan ijazah kehormat dalam bidang pengurusan dan kejuruteraan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, berkata anugerah diberikan sebagai penghargaan terhadap jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, UTM akan mengadakan konvokesyen khas pada 4 Disember depan bagi menyampaikan anugerah berkenaan.

"Kita sudah pun menyampaikan hasrat itu kepada Dr Mahathir dan beliau sudah menyatakan persetujuannya menerima anugerah berkenaan," katanya pada majlis berbuka puasa UTM bersama media massa di Hotel Palace of Golden Horses di Sungai Besi, di sini, malam tadi.

Dalam tempoh 22 tahun kepemimpinannya sebagai Perdana Menteri, institusi pengajian tinggi awam dan swasta sejajar turut berkembang dengan hasrat menjadikannya pusat kecemerlangan pendidikan serantau.